

# Malaysia kutuk pembunuhan sukarelawan Mapim di Gaza

**GEORGE TOWN:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya pembunuhan dan kezaliman Israel terhadap sukarelawan Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) yang sedang menjalankan misi kemanusiaan di Gaza ketika ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan secara rasmi mengeluarkan bantahan keras terhadap keganasan berterusan yang di-

lakukan rejim Israel itu.

"Kita mengutuk keras pembunuhan dan kezaliman ke atas sukarelawan MAPIM yang bertugas untuk kemanusiaan, membantu pesakit dan sebagainya.

"Kerajaan secara rasmi mengeluarkan bantahan keras terhadap keganasan berterusan," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar bersama kepimpinan negeri menghadiri mesyuarat khas pembangunan

Pulau Pinang, di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini.

Media sebelum ini melaporkan, seramai lapan petugas kemanusiaan MAPIM terbunuh dalam serangan udara oteh tentera Israel di Beit Lahiya, utara Gaza, pada Sabtu.

Serangan itu berlaku sekitar jam 1.30 tengah hari waktu tempatan ketika mereka mendirikan khemah bagi me-

nempatkan keluarga pelarian yang kehilangan tempat tinggal akibat konflik berterusan di wilayah tersebut.

Lapan petugas kemanusiaan yang terkorban telah dikenal pasti sebagai Mahmoud Yahya Al-Sarraj, Bilal Hossam Oqeila, Mahmoud Samir Oselim, Mahmoud Khaled Oselim, Mohammed Al-Ghafeer, Hazem Ghareeb, Bilal Abu Matar dan Ahmad Hamad.



**ANWAR** Ibrahim (kiri) bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (kanan) pada mesyuarat khas pembangunan Pulau Pinang. di Bayan Lepas. Pulau Pinang. semalam.